



**MERY RINGEGON @ CATHERINE**

**JEJAKNYA MERENTAS BENUA**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

BELUM pun sempat usianya mencecah angka setengah abad, dia sudah berjaya melancong ke banyak negara di dunia. Dia seorang yang rajin berusaha, kuat bekerja, kreatif, peramah, tabah dan cergas melayari hidupnya saban hari. Walaupun dilahirkan normal pancaindera, dia tidak pernah rasa tertekan dan kecewa selepas kedua-dua matanya menjadi buta. Dia tidak pernah menjadikan kecacatan sebagai alasan menghalangnya meraih cita-cita. Matlamat hidupnya yang prioriti antaranya termasuklah membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan dan memartabatkan diri di mata ramai. Kedua ibu dan bapanya berketurunan Kadazan. Dia belum bersuami lagi sehingga ke detik ini. Namun dia punya seorang anak perempuan yang comel dan cergas di usia 2 tahun 9 bulan bernama Grace Peter yang dinobatkannya sebagai anak Shaklee.

Mery Ringegon @ Catherine dilahirkan di Kampung Kauluan, Tuaran, Sabah pada 6 Mac 1957. Dia anak keempat daripada 10 orang adik-beradik. Bapanya petani sepenuh masa dan ibunya pula peniaga buah-buahan di pasar Kota Kinabalu (dahulu Jeselton). Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kerajaan Kampung Kauluan sehingga di usia lebih kurang 10 tahun. Selepas itu dia gagal meneruskan pelajarannya di sekolah yang sama kerana kedua-dua matanya menjadi buta akibat satu kemalangan yang berlaku di rumah sendiri.

Di dalam tahun 1968 sewaktu dia rancak belajar di Darjah IV, di suatu hari dia memasak kerang di rumahnya. Kerang yang direbusnya dimasukkannya ke dalam tin Milo yang bertutup. Sedang masakan itu menggelegak di atas dapur sambil dia menunggu di sisi, tiba-tiba tin Milo itu meletup dan meledakkan kesemua isi di dalamnya bertebaran ke sekeliling. Bukan percikan air panas sahaja, Serpihan kulit-kulit kerang yang pecah bersepai bahana letupan itu turut masuk dan melekat di kedua-dua bebola matanya. Dia segera dikejarkan keluarganya ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Selepas menerima rawatan rapi dan susulan, daya penglihatannya gagal dipulihkan seperti biasa. Walaupun dia boleh bergerak sendiri dan membaca huruf-huruf yang besar-besar dengan bantuan cermin mata, kuasa pandangannya akan mengalami kekurangan beransur-ansur dari semasa ke semasa. Berasaskan pendapat itu, doktor

menasihati keluarganya supaya menghantar dia ke sekolah kanak-kanak buta sekiranya mahu menyambung pelajaran.

Berasaskan nasihat itu, keluarganya telah bertindak menghantarnya belajar ke Sekolah Kanak-kanak Buta St. Nicholas, Pulau Pinang sesudah merujuk kesnya pada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat berkenaan di Sabah. Dia mengulangi semula pelajarannya di Darjah IV sebaik memasuki sekolah itu pada bulan Januari 1969. Dia meneruskan lagi pelajarannya ke Sekolah Menengah Convent Light Street, Pulau Pinang di Tingkatan I - III bermula pada tahun 1972 selepas menamatkan pelajarannya di Sekolah St. Nicholas. Di peringkat ini dia mengikuti kelas khas bersama pelajar-pelajar buta lain seiringan di bawah Program Percantuman (Intergrated Programme) yang diwujudkan di sekolah tersebut. Guru-gurunya pula didatangkan dari Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Di samping menggunakan tulisan dan buku-buku Braille, dengan daya penglihatannya yang terhad itu dia turut menggunakan tulisan dan buku-buku cetakan biasa sebagai teks dan bahan rujukannya belajar.

Segala kos terlibat sejak dia mula belajar di peringkat rendah hinggalah menamatkan pelajaran menengah rendahnya di Sekolah Menengah Convent Light Street, semua-semuanya diurus dan diselaraskan pihak Sekolah St. Nicholas. Bukan dirinya seorang sahaja, kesemua pelajar buta yang mengikuti Kelas Percantuman di sekolah-sekolah menengah sekitar Pulau Pinang turut di bawah perlindungan dan tanggungjawab pihak berkuasa sekolah itu. Bukan penginapan, pakaian seragam sekolah, makan-minum dan bahan-bahan belajar dan pembelajaran sahaja, pengangkutan untuk mereka berulang-alik ke sekolah pun turut disediakan pihak berkuasa sekolah St. Nicholas.

Setelah lulus di dalam peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE) tahun 1974, pada tahun 1975 dia berpindah belajar ke Sekolah Menengah Perempuan Ayer Panas, Setapak, Kuala Lumpur. Selepas 2 tahun belajar di situ, setelah lulus dan mendapat keputusan Gred I di dalam peperiksaan Malaysia Certificate of Education (MCE) tahun 1976, mulai tahun 1977 dia

melanjutkan pelajarannya lagi ke Sekolah Menengah St. John Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Apabila keputusan peperiksaan High School Of Certificate (HSC) yang didudukinya di sekolah itu di dalam tahun 1978 selepas 2 tahun belajar (Tingkatan Enam Bawah dan Tingkatan Enam Atas) diumumkan, dia gagal meraih keputusan yang melayakkannya memohon masuk ke mana-mana universiti tempatan. Berikutan itu, dia belajar sendiri dan mengulangi semula peperiksaan tersebut pada tahun 1979.

Selama belajar di Sekolah Menengah Perempuan Ayer Panas, Setapak dan Sekolah Menengah St. John Bukit Nanas, penginapan, makan-minum dan peralatan belajar dan pembelajaran dipusatkan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Untuk Orang-orang Cacat Penglihatan, Setapak, Kuala Lumpur. Bukan dirinya seorang sahaja, pelajar-pelajar senasib lain yang mengikuti kelas di bawah Program Percantuman yang diwujudkan di sekolah-sekolah menengah terpilih di sekitar Kuala Lumpur turut menerima kemudahan serupa. Pengangkutan juga turut disediakan pihak berkuasa sekolah itu untuk kemudahan mereka berulang-alik pada setiap hari persekolahan.

Keputusan peperiksaan HSC yang diambalnya secara persendirian pada tahun 1979 berjaya melayakkannya memohon masuk ke mana-mana universiti tempatan. Pada tahun 1980 dia telah ditawarkan Pengajian Pengurusan Perniagaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor. Dia adalah pelajar buta pertama menyambung pelajaran di universiti itu. Kemudahan pengajian di situ untuk pelajar buta sepertinya langsung tiada disediakan. Di samping itu dia juga terlalu sukar mendapatkan pembantu bagi membacakan nota dan buku-buku rujukan untuk kerja-kerja pembelajaran dan ulangkaji pengajiannya. Seheinggakan untuk meminta masa lebih semasa menduduki peperiksaan pun, dia terpaksa menguruskannya sendiri.

Selepas dua semestar (setahun) berlalu, dia merasakan sudah tersilap memilih universiti untuknya meneruskan pengajian. Ekoran terlalu banyak masalah dan halangan yang terpaksa didepaninya, dia menamatkan pengajiannya di UKM cukup sampai di situ sahaja. Serentak itu

pula dia mendapat khabar bahawa terdapat kekosongan jawatan Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur. Lantas dia memohon untuk mencuba nasib mengisi jawatan tersebut. Sesudah ditemuduga, MAB menawarkannya jawatan itu dan dia mula berkhidmat pada pertengahan tahun 1981. Untuk memantapkan lagi kedudukannya di MAB sejajar dengan jawatan yang disandang, dia menduduki Pengajian Perhubungan Awam secara kelas malam di Public of Relation Institute, Brickfields, Kuala Lumpur dan mendapat Diploma of Public Relation Malaysia pada tahun 1984.

Antara tugas dan peranannya sebagai PRO di MAB termasuklah menyediakan risalah yang mengandungi maklumat untuk ditujukan pada penderma dan orang awam. Dia juga menentu dan membekalkan maklumat kepada wartawan media cetak dan elektronik bagi siaran di media masing-masing. Dia juga menentukan perjalanan dan keperluan setiap seminar yang dianjurkan sempurna dari semua segi termasuklah aspek-aspek lokasi, penyertaan, kertas-kertas kerja dan hebahan pada media. Mereka yang tiada maklumat tentang kebajikan dan perkhidmatan yang disediakan untuk orang-orang buta, dia bertanggungjawab menghebahkannya melalui ceramah-ceramah yang disampaikan di agensi-agensi terpilih dan tertentu sahaja. Pendedahan tentang kemahiran, kebolehan dan kecekapan orang-orang buta di bidang kerjaya sejajar dengan kelayakan akademik yang diperlukan turut dipertanggungjawabkan supaya dia menghebahkannya pada sektor-sektor awam Kerajaan, swasta dan sektor perkilangan dan perusahaan. Maklumat yang sama turut dihebahkannya di Badan-badan Bukan Kerajaan dan Badan-badan Sukarela seperti Lions Club, Rottery Club dan seumpamanya.

Selepas lebih kurang 9 tahun berkhidmat di MAB, pada tahun 1989 dia menamatkan tugasnya di situ. Pada masa itu dia sudah memiliki Diploma Rawatan Badan Dan Rawatan Muka (Therapy) dari Easthetic Academy International, Petaling Jaya yang diambilnya secara kelas malam. Pada tahun 1990 dia telah memohon dan ditawarkan jawatan Group Trainer di Joanne Drew International (JDI). Syarikat ini mempunyai rangkaian perkhidmatannya di

Bangsar, Ampang, Singapura dan Kota Kinabalu. Tugasnya sebagai Group Trainer menyelia petugas-petugas yang memberikan khidmat masing-masing pada pelanggan. Sekiranya berlaku pelanggan melebihi petugas, dia turut membantu memberi perkhidmatan. Di samping menentukan kebersihan ruang berterusan, dia juga menentukan peralatan dan kelengkapan mencukupi dan sedia ada di tempat-tempatnya yang ditetapkan.

Setelah menamatkan perkhidmatannya selepas 2 tahun bekerja di JDI, dia bergiat pula menjalankan perniagaannya sendiri. Pada masa itu dia sudahpun memiliki rumah sendiri di No. 3, Jalan 38/27B, Desa Setapak, Kuala Lumpur yang dibelinya di dalam tahun 1986 semasa dia masih lagi berkhidmat dengan MAB. Pada tahun 1992, kemahiran dan kepakarannya di bidang Rawatan Badan Dan Rawatan Muka dieksploitnya secara komersial. Pelanggan yang mahukan perkhidmatan diberikannya pilihan. Mereka boleh datang ke rumahnya dan dia juga sedia pergi ke kediaman mereka untuk menerima perkhidmatannya. Pelanggannya pula sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Setiap pelanggan yang sudah menerima dan berpuas hati akan mengenalkannya pada rakan masing-masing yang inginkan perkhidmatan rawatan badan dan rawatan muka daripadanya.

Selepas 11 bulan menjalankan perniagaan sendiri dan sedang dia rancak memberi perkhidmatan kepakarannya dari setempat ke setempat, di suatu hari di hujung tahun 1992 dia didatangi seseorang yang menjadi agen pengedaran produk Shaklee Malaysia. Shaklee Product Malaysia (SPM) adalah anak syarikat Shaklee International United State of America. Produk keluarannya berupa vitamin berbagai jenis, bahan-bahan kecantikan dan solekan lelaki dan wanita serta produk kegunaan rumah. Ekoran pertemuan itu, dia telah diberi penerangan secukupnya tentang insentif-insentif, faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan yang bakal dinikmati sekiranya dia menyertai SPM.

Bimbingan, panduan dan pengalaman selama di dalam rekrut yang diberikan Ketua Pemimpin Jualan SPM padanya buat beberapa lama dipraktikkannya setelah dia beroperasi

sendiri. Pada awalnya dia mengalami berbagai kerumitan dan kesulitan yang terlalu pahit untuk ditelan dan terpaksa diatasinya dengan cecal dan sabar. Di samping menjinjing beg yang sarat berisi barangan SPM dagangannya, dia terpaksa berjalan kaki dari setempat ke setempat setelah tiba ke lokasi sasaran dengan menaiki teksi atau bas. Ketika dia menerangkan khasiat-khasiat barangan SPM yang dibawanya, sebilangan besar orang-orang yang ditemuinya ketara tidak percaya dan yakin padanya. Kalau pun ada yang membeli, mereka yang membeli itu semata-mata berdasarkan perasaan simpati dan kasihan masing-masing kerana kecacatannya. Ada juga di antara mereka yang sedia memberikannya wang sebagai sedekah tetapi ditolaknyahormat dengan alasan bahawa apa yang dilakukannya dihalalkan undang-undang dan berlesen. Pada mereka yang membeli pula dibekalkan kad perniagaannya untuk kemudahan rujukan dan perhubungan.

Apa yang sudah dialaminya di peringkat awal berjualan, segalanya berubah sama sekali selepas 6 bulan berlalu. Sikapnya yang sabar, cecal dan ikhlas mendepani berbagai masalah di sepanjang berjualan selama itu mula membuahkan hasil. Produk SPM jualan dan edarannya rancak mendapat sambutan. Mereka yang pernah membeli kembali menghubunginya semula melalui telefon untuk mendapatkan bekalan tambahan. Anggapannya bahawa mereka yang membeli dahulu kerana kasihan dan simpati padanya, akhirnya luntur dan lenyap sama sekali daripada memorinya. Di samping terus sibuk dengan tugasnya memenuhi pesanan pelanggannya yang meningkat dari semasa ke semasa, dia juga turut sempat berkempen menggalakkan dan menaja mereka yang berminat menyertai SPM.

Di saat itulah dia merasakan penglibatan dan keriernya di dalam SPM sudah teguh dan mantap. Barulah disedarinya bahawa kebolehan dan keberkesanan komunikasinya dengan setiap orang yang ditemuinya mampu menarik mereka menyertai SPM seramai mungkin. Kebijaksanaannya mentaksir keperluan pelanggan, memberi penerangan dan maklumat tepat berkaitan khasiat dan keistimewaan produk-produk jualan dan edarannya, satu lagi faktor efektif di dalam usahanya meningkatkan statistik pelanggan dan penyertaan orang ramai di dalam SPM.

Di samping itu dia juga sentiasa memotivasi dan merangsang diri sendiri supaya menjadi orang buta pertama berjaya di bidang jualan secara langsung.

Hasil kerja kuat dan kesungguhannya, dia berjaya menarik lebih ramai orang menyertai SPM sebagai penjual dan pengedar produk keluarannya. Akhirnya sesudah mengatasi bilangan yang ditetapkan dari segi penyertaan yang berjaya dikumpulkan, dia dilantik sebagai Ketua Pemimpin Jualan. Antara tugasnya termasuklah merekrut dan melatih mereka yang baru ditaja menyertai SPM tentang teknik dan kaedah mencari dan memasarkan barangan SPM kepada awam. Selain daripada menerangkannya melalui ceramah yang diberi, dia akan mengiringi mereka yang baru ditaja dari setempat ke setempat untuk mengawasi kaedah dan pendekatan yang diguna bagi melariskan lagi barangan SPM.

Sehingga kini dia telah berhasil menarik ribuan penyertaan orang ramai di dalam SPM. Selain daripada menjadi juru jual dan pengedar barangan SPM, sebilangan mereka yang ditaja dan dibimbingnya ada yang sudah menjadi Ketua Pemimpin Jualan. Sama ada secara langsung atau di sebaliknya, dia sudah berjaya membantu SPM memperluaskan pasaran barangannya di seluruh Semenanjung Malaysia. Begitu juga di Sabah, ribuan mereka yang terlibat dengan SPM di segenap kategori adalah di bawah hasil usahanya sendiri bersama keluarga.

Setiap bulan SPM menganjurkan pertemuan dengan semua penjual dan pengedar barangannya untuk mengkaji perkembangan dan prestasi pencapaian operasi masing-masing. Di samping memberi motivasi dan bimbingan, dia dan rakan-rakan seperjuangan tidak jemu-jemu menggalakkan supaya mereka menjadikan SPM sebagai saluran pendapatan unggul sepanjang hayat. Untuk maksud itu, mereka yang beroperasi di sekitar Lembah Klang akan dihimpunkan di Shaklee Dynamic Family di mana dia menjadi ahlinya di USJ 9, Subang Jaya. Di Sabah pula disediakan Pusat Latihan Shaklee yang letaknya di No. 12, Taman Maju Jaya, Kota Kinabalu.

Selepas lebih 10 tahun bersama SPM, gaya hidupnya sudah banyak berubah. Dia amat



bersyukur dan insaf kerana berjaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan dipandang rendah kerana kecacatan yang dialaminya. Gaya hidupnya yang unggul dan eksklusif, membuatkan dirinya dipandang tinggi dan dihormati di mata ramai amnya dan di kalangan rakan seperjuangan khususnya. Kecacatan yang dialaminya langsung tidak mendatangkan sebarang impak negatif padanya selagi dia rajin berusaha, kreatif dan kuat bekerja untuk membangun dan memajukan diri sendiri menggapai cita-cita. Tiada maknanya seseorang yang punya segala, sempurna sifat dan pancaindera, kalau individu itu cacat sikap, perasaan dan emosi hingga sanggup memusnahkan maruah dan kemanusiaan sendiri.

Hasil daripada tindakan kolektifnya menjurus menempa kejayaan hidupnya yang berprestij, sehingga sekarang dia sudah banyak menerima berbagai insentif dan galakan daripada SPM ke hala menghargai khidmatnya. Pada Oktober 1995, dia telah dihadiahkan sebuah kereta eksklusif hasil kerja keras dan kecemerlangannya di bidang jualan langsung produk keluaran SPM. Di samping itu dia juga telah dihadiahkan pakej pelancongan berbagai hala di dalam dan di luar negara. Antara destinasi pelancongan yang sudah dinikmatinya termasuklah ke Australia, Filipina, Thailand, Singapura, Amerika Syarikat, Greece, Turki, Hong Kong, China dan lain-lain. Sekiranya ada di antara hadiah pakej pelancongan itu terpaksa ditolaknyanya atas faktor-faktor yang munasabah, SPM sedia menggantikannya dengan wang tunai.

Akhirnya dia menyeru semua rakan senasib supaya bekerja keras dan rajin berusaha ke hala membangun dan memajukan diri sendiri. Katanya Tuhan sudah menyediakan segala-galanya di dalam diri setiap manusia dan terpulanglah pada individu itu untuk mengeksploitnya. Katanya lagi, jangan disebabkan kecacatan diri maka itu dijadikan faktor yang menghalang untuk maju. Dia juga memberi jaminan total bahawa sekiranya ada di kalangan rakan-rakan senasib yang berminat melibatkan diri dengan SPM, dia mengalu-alukan penyertaan mereka dan sedia membantu pada bila-bila masa sehingga berjaya.